



19 JUL, 2020

Ourfarm sasar 800 pengeluar pertanian

Mingguan Sarawak, Malaysia

Page 1 of 2

Ourfarm sasar 800 pengeluar pertanian

KUALA LUMPUR: Ourfarm, platform e-dagang perniagaan kepada perniagaan yang dimulakan oleh AirAsia untuk membantu menghubungkan petani secara terus kepada perniagaan, menyasar 800 pengeluar pertanian mendaftar di platform tersebut pada akhir tahun ini, kata Ketua Pegawai Eksekutifnya Lalitha Sivanaser.

Beliau berkata, ketika kali pertama bermula, platform Ourfarm hanya mempunyai hampir 350 pengeluar pertanian yang berdaftar di bawah Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MOA), sambil menambah ketika ini ia mempunyai kira-kira 500 pengeluar swasta dan persendirian. "Pada akhir tahun, kami menyasar kira-kira 800 atau 70 peratus daripada pengeluar pertanian yang berdaftar di bawah MOA serta pengeluar persendirian menyertai platform kami," katanya dalam satu kenyataan semalam. - Bernama



19 JUL, 2020

Ourfarm sasar 800 pengeluar pertanian

Mingguan Sarawak, Malaysia

Page 2 of 2

SUMMARIES

KUALA LUMPUR: Ourfarm, platform e-dagang perniagaan kepada perniagaan yang dimulakan oleh AirAsia untuk membantu menghubungkan petani secara terus kepada perniagaan, menyasar 800 pengeluar pertanian mendaftar di platform tersebut pada akhir tahun ini, kata Ketua Pegawai Eksekutifnya Lalitha Sivanaser. Beliau berkata, ketika kali pertama bermula, platform Ourfarm hanya mempunyai hampir 350 pengeluar pertanian yang berdaftar di bawah Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MOA), sambil menambah ketika ini ia mempunyai kira-kira 500 pengeluar swasta dan persendirian.